



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2026**

**TINGKATAN 5**

**PENDIDIKAN ISLAM**

**1223/1**

**Kertas 1**

**2 jam 30 minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan.*
4. *Ikat kertas jawapan anda dan serahkan kepada guru yang mengawas pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 9 halaman bercetak termasuk muka hadapan

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT :

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا<sup>1</sup> وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكِّرْ بِهِ أَنْ تُبْسَلَ نَفْسٌ  
 بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلْ كُلُّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا<sup>2</sup>  
 أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ



(Surah al-An'am: 70)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan mempersendakan agama.  
 Berdasarkan ayat,

(i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris di atas.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kesan mempersendakan agama.

[2 markah]

- Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT.
- Mengejek dan menghina sunah Rasulullah SAW.
- Menghina golongan ulamak dan orang soleh.
- Menyanjung perbuatan maksiat.

(iii) Huraikan usaha yang boleh dilakukan untuk menangani perbuatan di atas demi menjaga keharmonian masyarakat.


[4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّتَا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.  
(مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

Hadis di atas menerangkan tentang golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

- (i) Nyatakan **dua** golongan tersebut selain seseorang yang menyembunyikan sedekahnya. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** contoh menyembunyikan sedekah. [2 markah]



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, mengapakah pemuda B tidak berminat dengan amalan pemuda A? Berikan alasan anda. [2 markah]
- (iv) Huraikan akibat sekiranya anda sering bertukar antara gaya hidup pemuda A dan pemuda B dalam kehidupan seharian. [4 markah]

|     |                                                           |      |
|-----|-----------------------------------------------------------|------|
| (c) | عَآلَمْنَ وَقَدْ عَصَيْتَ ...                             | (i)  |
|     | الْمَرْءُ ۝ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۝ | (ii) |

Tentukan hukum mad lazim bagi kalimah yang bergaris di atas.

[2 markah]

2 (a) *Al-Muntaqim* merupakan salah satu nama Allah SWT yang indah.

(i) Apakah maksud nama Allah SWT *al-Muntaqim*? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT *al-Muntaqim*. [4 markah]



(iii) Kaitkan keimanan kepada nama Allah SWT *al-Muntaqim* dalam membendung isu di atas. Huraikan. [4 markah]

(b) (i) Nyatakan **dua** contoh perkataan yang membatalkan iman. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** cara menjauhi perkara yang membatalkan iman. [2 markah]

(c) Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunnah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak.

(i) Jelaskan implikasi kepada umat Islam jika mereka mengabaikan pegangan aliran tersebut? [2 markah]

(ii) Cadangkan usaha yang wajar diambil untuk memastikan akidah anda selari dengan pegangan di atas. Huraikan. [4 markah]

3 (a) Hukum sembelihan adalah wajib dalam Islam.

(i) Nyatakan maksud sembelihan.

[2 markah]

(ii) Nyatakan dua perkara sunat sembelihan.

[2 markah]



(iii) Berdasarkan gambar di atas, mengapakah terdapat segelintir umat Islam hanya mementingkan aspek tersebut sahaja?

[2 markah]

(iv) Huraikan akibat kepada pengguna sekiranya produk di atas dijual tanpa pengesahan halal yang sah?

[4 markah]



- (b) Idah ialah tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami.

| Tempoh Idah             |                          |               |
|-------------------------|--------------------------|---------------|
| Situasi                 | Bercerai hidup           | Bercerai mati |
| Belum putus haid        | 3 bulan                  | Y             |
| Telah putus haid        | X                        |               |
| Belum pernah disetubuhi | Tiada Iddah              |               |
| Sedang hamil            | Sehingga melahirkan anak |               |

- (i) Nyatakan tempoh idah X dan Y dalam jadual di atas. [2 markah]

| Larangan semasa idah                                     |                                                                                                       |
|----------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan. | Keluar daripada rumah yang disediakan oleh suami kecuali untuk keperluan yang dibenarkan oleh syarak. |

- (ii) Mengapakah Islam menetapkan larangan-larangan tersebut kepada wanita yang berada dalam tempoh idah? Huraikan. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud wasiat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan cara pengurusan wasiat. [2 markah]



4 (a) Kerajaan Umayyah telah ditubuhkan pada tahun 41 hijrah.

(i) Nyatakan sejarah kerajaan Umayyah dari aspek berikut:

- 1) Pengasas
- 2) Keluasan kerajaan
- 3) Bilangan khalifah
- 4) Khalifah terakhir

[4 markah]

(ii) Jelaskan sumbangan Abdul Malik bin Marwan.

[2 markah]

Pasukan angkatan tentera yang bersemangat jihad dalam mempertahankan negara merupakan faktor kegemilangan kerajaan Umayyah.

(iii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat mencontohi semangat tersebut untuk memupuk sifat patriotisme dalam diri? Huraikan.

[4 markah]

(b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi.

[2 markah]

(ii) Terangkan sumbangan beliau dalam aspek pentadbiran.

[2 markah]

Salahuddin al-Ayyubi merupakan tokoh yang berjaya membebaskan Baitul Maqdis daripada penguasaan tentera Salib.

(iii) Mengapakah kehebatan tokoh tersebut semakin kurang dihayati oleh masyarakat moden hari ini?

[2 markah]

(iv) Cadangkan peranan ibu bapa untuk membentuk anak yang hebat seperti tokoh di atas.

[4 markah]

- 5 (a) (i) Nyatakan **dua** adab menyantuni orang sakit dari aspek ibadah. [2 markah]
- (ii) Terangkan hikmah beradab kepada orang sakit. [2 markah]

Ali merupakan seorang pempengaruh yang sering menyantuni pesakit sebatang kara di hospital. Namun, beliau sering melakukan siaran langsung (*live streaming*) di media sosial sepanjang aktiviti tersebut untuk dikongsikan kepada pengikutnya.

- (iii) Wajarkah tindakan yang dilakukan oleh Ali seperti dalam situasi di atas? Huraikan. [4 markah]
- (iv) Terangkan tindakan awal yang perlu Ali lakukan demi menjaga hak pesakit. [2 markah]

(b) Tawaduk merupakan sikap mahmudah yang boleh diamalkan dalam kehidupan.

- (i) Nyatakan maksud tawaduk. [2 markah]
- (ii) Jelaskan contoh tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [2 markah]

Sikap tawaduk dapat membentuk keluarga yang harmoni.

- (iii) Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- (iv) Mengapakah sikap di atas sukar dilaksanakan dalam keluarga? Berikan alasan. [2 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**